

21 NOV 1999

Mahathir-Demokrasi

AMALAN DEMOKRASI MALAYSIA PALING BERKESAN UNTUK NEGARA MEMBANGUN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) berupaya mewujudkan sistem demokrasi yang paling berkesan dikalangan negara membangun.

"Kita memberi kebebasan berpolitik kepada semua pihak, parti lawan pun bebas tapi mereka mendakwa tidak bebas," kata beliau selepas melancarkan manifesto BN di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini. Manifesto itu bertajuk "Malaysia Bebas Sepadu Maju Bersama Barisan Nasional."

Perdana Menteri berkata sejak mencapai kemerdekaan 42 tahun lepas, Malaysia telah mengadakan pilihan raya umum mengikut jadual dan menjamin kebebasan pengundi membuat pilihan.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata pihak pembangkang di sini tidak ditekan seperti di negeri membangun yang lain dimana mereka disaman sehingga bankerap dan didakwa dengan berbagai tuduhan.

Katanya di Malaysia tidak ada musuh politik BN yang ditahan di bawah ISA kerana yang ditahan dibawah akta itu hanya pengedar dadah dan pencetak duit palsu.

Katanya kerajaan BN tidak menahan sesiapa semata-mata ideologi politik mereka berbeza.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN akan menggunakan budibicaranya untuk mewujudkan sistem cara tersendiri dengan juga memilih ciri yang baik daripada semua sistem kerajaan yang ada.

Beliau juga berkata kerajaan memberi kebebasan kepada surat khabar parti pembangkang seperti Harakah kerana orang ramai akhirnya mengetahui siapa yang bercakap bohong.

BN memberi kebebasan pendidikan bahasa ibunda pada peringkat sekolah rendah tidak seperti tempat lain termasuk di negara jiran dengan pendidikan dalam bahasa kebangsaan sahaja.

"Kita juga menerima semua kaum dalam pasukan keselamatan dan perkhidmatan awam tetapi ada juga negara-negara lain yang dekat dengan kita yang tidak membenarkan kaum tertentu memikul senjata kerana mereka tidak percaya kepada kaum tertentu," katanya.

Di Malaysia semua kaum bebas untuk memikul senjata untuk negara, tambah beliau.

-- BERNAMA

GM FAZ